

Bukan hanya ladang sawit punca jerebu

Menteri selar pihak salahkan industri setiap kali kebakaran hutan

Oleh Suhaila Shahrul Annuar
suhaila.shahrul@bh.com.my

Putrajaya: Tindakan berterusan menyalahkan sektor perladangan sawit sebagai punca jerebu yang melanda Asia Tenggara ketika ini, adalah tidak adil kerana kebakaran hutan bukan hanya berkaitan industri itu semata-mata.

Menteri Industri Utama, Teresa Kok, berkata tindakan itu tidak tepat dan bukan teguran yang membina.

"Adalah tidak adil untuk berterusan menuding jari kepada industri sawit kerana ia kebakaran hutan.

"Dalam fenomena El Nino ini, kebanyakan tempat di Borneo, terutama Indonesia dan sebilangan kecil kawasan di Malaysia terkesan, kerana kebanyakan tanaman serta pokok ditanam di tanah gambut yang mudah terbakar," katanya.

Beliau bercakap pada sidang media selepas merasmikan Program Suai Kenal Minyak Sawit Ke-39 yang disertai 34 peserta dari 19 negara di sini, semalam.

Kok berkata, jika berlaku kebakaran hutan, ia tidak semestinya berpunca dari ladang sawit kerana mungkin dari kawasan perladangan kejiranan yang di-



Kok merasmikan Program Suai Kenal Minyak Sawit Ke-39 sambil disaksikan Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Tan Sri Mohd Bakke Salleh di Putrajaya, semalam. [FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR /BH]

tanam tanaman lain, menjadi lokasi bermulanya kebakaran sebelum merebak ke ladang sawit.

"Apabila berlaku jerebu, industri sawit disalahkan. Ingin saya tekankan, industri ini terutama perladangan skala besar (milik Malaysia) mempraktikkan prinsip pensijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO).

"Mereka mengamalkan amalan pertanian yang baik dan tidak akan melakukan pembakaran terbuka," katanya.

Dalam pada itu, Kok berkata,

pihaknya masih menunggu hasil siasatan Indonesia berhubung laporan kerajaan republik itu menamakan empat syarikat Malaysia, sebagai punca kebakaran hutan di republik itu.

Baru-baru ini, media melaporkan kerajaan Indonesia menamakan IOI Corporation, Sime Darby Bhd, TDM Bhd dan Kuala Lumpur Kepong Bhd, sebagai punca kebakaran hutan di republik itu hingga mengakibatkan jerebu.

Beliau turut meminta semua

pihak berlaku adil kepada usaha Indonesia untuk memadam kebakaran, malah Presiden Indonesia, Joko Widodo sendiri turun padang dan memantau kebakaran hutan.

Katanya, beliau akan ke Jakarta, Indonesia bulan depan bagi menghadiri mesyuarat bersama rakan sejawatan, serta mengadakan pertemuan dengan pemilik ladang Malaysia di negara itu untuk membincangkan pelbagai isu berkaitan industri sawit.